

## Keindahan Jeram Perahu tambat hati pengunjung

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 2 Januari 2025, 9:15 am



SEBAHAGIAN pengunjung menaiki bot penambang untuk ke Jeram Perahu di Kampung Gusai di Jerantut, Pahang.

JERANTUT: Keunikan cara hidup penduduk Melayu Pahang, makanan tempatan, keindahan Sungai Sepia, Sungai Tembeling serta alam sekitar menjadi tarikan pengunjung ke Jeram Perahu di Ulu Tembeling, di sini terutama sejak dua tahun lalu. Bagi pemancing, keterujaan mereka bertandang ke Jeram Perahu yang terletak berdekatan Kampung Gusai, ialah berikutan pelbagai spesies ikan termasuk kelah merah di kawasan berkenaan.

Pengurus Pemasaran sebuah syarikat pelancongan di Kuala Tahan, Abdullah Chik berkata, sejak Monsun Timur Laut (MTL) awal November lalu, syarikat itu menguruskan sehingga 400 pengunjung ke Ulu Tembeling dan Taman Negara setiap hujung minggu.

“Pengusaha pelancongan di sini dan Ulu Tembeling menjangkakan pengunjung terus meningkat selepas musim tengkujuh awal tahun ini.

“Kita memberi peluang pengunjung memperoleh pengalaman baharu iaitu aktiviti memetik pucuk paku di tepi Sungai Sepia berdekatan Kampung Gusai untuk memasak sendiri makanan tempatan penduduk di sini, iaitu gulai asam rong dicampur pucuk paku dan ikan kenerak,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Menurut Abdullah, pengunjung memasak di tepi Sungai Sepia di Jeram Perahu dan mereka diberi tunjuk ajar oleh penduduk tempatan sehingga makanan siap yang boleh dibawa berkelah di tepi sungai.

“Kita sajikan pengalaman menarik kepada pengunjung yang pernah atau belum pernah ke sini. Pada masa sama ia dapat memperkenal masakan tempatan penduduk Ulu Tembeling,” katanya.

Katanya, bagi ‘pemburu’ ikan, sudah tentu mereka memilih pakej ke Jeram Perahu untuk memancing termasuk memetik pucuk paku, melawat santuari ikan, berenang dengan pelampung getah dan beberapa aktiviti lain.

“Selain berkhemah dan memancing ikan dengan kebenaran permit daripada pihak berkuasa, pengunjung turut berpeluang memasak hasil tangkapan masing-masing,” katanya.

Pengunjung turut berpeluang memetik tumbuhan dan ulam-ulaman serta mencuba memasak gulai asam rong isi biji getah dan buah perah berasaskan entiti masakan penduduk Ulu Tembeling selain menikmati keunikan budaya dan kesenian masyarakat Melayu pedalaman di situ. – UTUSAN